

Program perniagaan mikro diperluas

Berita Harian 11/06/2010 M/S B10

Pelbagai inisiatif dilaksana tambah pendapatan golongan miskin di bandar

BAGI meningkatkan pendapatan dan mutu hidup kumpulan berpendapatan rendah di bandar, kerajaan akan melaksanakan pelbagai inisiatif meliputi pengukuhan keupayaan melalui latihan kemahiran bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan berpendapatan tinggi serta menjalankan perniagaan berasaskan kemahiran.

Selain itu, pelbagai program akan dilaksanakan melalui agensi seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) bagi membantu usahawan memoden dan meningkatkan saiz perniagaan bagi memastikan daya tahan perniagaan.

Kerajaan akan bekerjasama dengan persatuan dan peneraju utama industri bagi melaksanakan program pembangunan kemahiran yang relevan dengan keperluan industri dan menumpukan kepada pekerjaan diperlukan.

Program perniagaan mikro akan diperluas bagi membantu isi rumah 40 peratus pendapatan terendah

memulakan perniagaan kecil.

Latihan teknikal dalam bidang kesejahteraan, dobi, bengkel kereta motor, restoran, perniagaan francais dan jahitan akan disediakan, manakala latihan keusahawanan akan memberi tumpuan kepada pengurusan kewangan, pemasaran kontrak dan operasi.

Organisasi pembangunan usahawan sudah melaksanakan program mentor mentee bagi melahirkan lebih ramai usahawan berjaya.

Dalam tempoh Rancangan, penekanan akan diberi kepada mentee daripada kalangan isi rumah 40 peratus terendah, selain insentif akan diberikan kepada mentor yang menjalankan perniagaan dengan usahawan di kalangan itu.

Konsep inkubator dalam industri makanan yang dipelopori MARA akan diperluas bagi mewujudkan peluang pekerjaan di kawasan penduduk berpendapatan rendah.

Ia menyediakan kemudahan tersedia yang mematuhi piawaian antarabangsa serta menyediakan kemudahan



PROGRAM perniagaan mikro bantu isi rumah tambah pendapatan.

yang dikongsi bersama termasuk reka bentuk pembungkusan dan makmal ujian.

Agensi lain akan membangunkan program inkubator bersepadu yang sama untuk membolehkan peningkatan skala pengeluaran, mengurangkan kos modal dan menggalakkan amalan pengilangan terbaik diguna pakai oleh industri lain.

Program syarikat anchor diterajui GLC dan agensi kerajaan akan diperluas. Insentif akan diberi kepada syarikat anchor untuk mewujudkan kluster melalui perkongsian dengan enterpris kecil di luar bandar dan bandar.

Ia akan memberi perhatian kepada R&D, akses pasaran, pengurusan kualiti dan reka bentuk produk, manakala enterpris kecil yang akan menghasilkan produk mengikut spesifikasi yang sudah ditetapkan. Konsep program ini yang turut disediakan sokongan pembiayaan boleh diterapkan dalam industri makanan, tekstil dan industri berasaskan kayu dan kraf.